



**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KETUJUH BELAS  
MAJLIS MESYUARAT NEGARA**

(JURNAL HARIAN)

---

**PADA HARI SELASA, 02 SYAABAN 1442 / 16 MAC 2021  
(HARI KEDUA)**

**1. Doa Selamat.**

**2. PERKARA IV - KERTAS-KERTAS YANG DIBENTANG DI ATAS MEJA:**

- 2.1. Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara telah memberi izin bagi Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, untuk membentangkan Kertas No. 1 Tahun 2021 yang bertajuk "Senarai Perintah-Perintah Darurat Yang Telah Diluluskan dalam tahun 2020 Menurut Fasal 83 Dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam"
- 2.2. Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara telah memberi izin bagi Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, untuk membentangkan Kertas No. 2 Tahun 2021 yang bertajuk "Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara Bagi Tahun Kewangan 2021/2022"

**3. PERKARA V - USUL-USUL YANG DIBERI NOTIS:**

- 3.1. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah mencadangkan satu usul untuk menyembahkan sepenuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan Baginda ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Pemesyuaratan

Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara dan di atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang majlis menjunjung kasih dengan sepenuh-penuhnya.

- 3.2. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah menyokong Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
- 3.3. Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara telah membukakan bagi Usul Menjunjung Kasih tersebut untuk dibahaskan. Beberapa orang Ahli Majlis Mesyuarat Negara telah menyokong usul yang dikemukakan dan telah ikut serta dalam membahaskan usul tersebut seperti berikut:
- Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Osman@Othman;
  - Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim;
  - Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, Menteri di Jabatan Perdana Menteri;
  - Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad;
  - Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, Menteri Pembangunan;
  - Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi;
  - Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman;
  - Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

---

**[MAJLIS MESYUARAT DITANGGUHKAN BAGI SESI PAGI DAN MAJLIS MESYUARAT DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 2.30 PETANG]**

---

3.4. Mesyuarat telah menyambung untuk membahaskan Usul Menjunjung Kasih. Beberapa orang ahli telah turut serta dalam membahaskan usul tersebut seperti berikut:

- Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin, Menteri Hal Ehwal Ugama;
- Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari;
- Yang Berhormat Major Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan;
- Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong;
- Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Mohd Isham bin Haji Jaafar, Menteri Kesihatan;
- Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Haji Hasrin bin Dato Paduka Awang Haji Sabtu;
- Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II;
- Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis;
- Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu;
- Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd Siput;
- Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon;
- Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin;
- Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung;
- Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit;
- Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari;
- Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

3.5. Beberapa orang Ahli Majlis Mesyuarat Negara juga menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas keberangkatan Baginda bercemar duli dan menjunjung tinggi akan titah yang dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkaitan Tabung Amanah Pekerja, Manpower Planning and Employment Council (MPEC) serta peluang Ahli Majlis Mesyuarat untuk menyuarakan pendapat tanpa had. Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara juga mengucapkan rasa syukur atas kejayaan negara dalam membendung penularan wabak COVID-19 di negara ini, dan mengucapkan tahniah kepada petugas barisan hadapan dan pihak-pihak berkaitan.

3.6. Mesyuarat juga mendengar beberapa cadangan dan saranan Ahli Majlis Mesyuarat Negara untuk dipertimbangkan bersama. Antaranya untuk sama-sama mempertingkatkan kedayatahan ekonomi negara dengan

mempelbagaikan sumber pendapatan negara melalui sektor pertanian, pelancongan dan perniagaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), meningkatkan tadbir urus kerajaan, menerajui dan membangun infrastruktur digital negara untuk menerokai peluang berkaitan dengan ekonomi digital.

- 3.7. Setelah mendengar 24 orang Ahli Majlis Mesyuarat Negara membahaskan usul tersebut, majlis telah sebulat suara bersetuju untuk meluluskan usul yang diberi notis yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

---

**[MAJLIS MESYUARAT DITANGGUHKAN DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA 17 MAC 2021 JAM 9.30 PAGI]**

---